BULETIN MPK

INFO | BERITA | AKTIVITI

edisi 02
2011
Diterbitkan
PERCUMA

www.mpkluang.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

PERADUAN
Teka & Menang
Hadiah Menarik
Menanti Anda..

Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-53 Peringkat Negeri Johor

Kluang Tuan Rumah

SIDANG REDAKSI

Penaung
Haji Abdul Rahman Bin Mohamed Dewam
Yang Dipertua

Penasihat
Haji Muzaldin Bin Haji Mohamed
Setiausaha

Ketua Pengarang
Muhammad Haii Bin Abu Hassan

Pengarang
Mohd Shahruddin Bin Rosdi
Mazlin Najua Bt Abd Mutalip
Amelia Aida Bt Mahad
Mohd Nor Faizal Bin Samad

Wartawan
Azanariah Bt Haji Ahmad

Jurufoto
Roslan Bin Nasir

Urus Setia
Nor Iida Bt Haji Ngadiman

Buletin MPK diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Perbandaran Kluang dua kali setahun dan diedarkan secara percuma. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel, cadangan atau komen daripada anda.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada:-

Pengarang Buletin MPK
Majlis Perbandaran Kluang
Telefon : 07-7771454

Dari Meja Ketua Pengarang

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinnya buletin MPK edisi kedua ini dapat diterbitkan. Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat terutama kepada ahli-ahli sidang pengarang yang bertungkus lumus menjayakan penerbitan buletin ini.

Penerbitan buletin edisi kedua ini memuatkan beberapa artikel mengenai penglibatan MPK kepada masyarakat dan program-program yang telah dijalankan oleh MPK bagi tempoh Julai hingga Disember 2010. Turut diselitkan pada buletin ini aktiviti-aktiviti dalaman MPK yang dilaksanakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan dikalangan anggota kerja bagi mengukuh dan meningkatkan prestasi perkhidmatan kepada masyarakat.

Penerbitan buletin ini juga merupakan medan informasi kepada semua anggota kerja dan masyarakat ke atas aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan selain bertindak sebagai alat perkongsian maklumat kepada pembaca.

Akhir kata, saya berharap melalui buletin ini hubungan dan semangat kerjasama antara warga kerja dan masyarakat dapat disemarakkan lagi agar matlamat MPK menjadikan sebuah bandar Lestari, Maju dan Sejahtera menjelang tahun 2015 tercapai.

Salam 1 Malaysia

Isi Kandungan

02 Dari Meja Editor
Isi Kandungan

03 Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-53

04 Informasi
Majlis Pecah Tanah Kompleks Pekan Rabu
Lawatan Kerja MB Ke Kluang
Program 1 Malaysia Green 1 Malaysia Clean
Kempen Gaya Hidup Sihat
Program Mesra Rakyat
Pusat Informasi Pelancongan Kluang

10 Lawatan Kerja Yang Dipertua
Tindakan Atasi Banjir Kilat

11 Perkhidmatan
Program 'Green Our Earth"
Penubuhan JMB Pertama
Hadiah Untuk Pembayar Cukai Harta
Program Gotong Royong Memerangi Aedes
OSC Online
Penubuhan J/kuasa Keselamatan & Kesihatan
Penarafan 5 Bintang Portal MPK
Bengkel Audit Dalaman MS ISO 9001:2008

23 Peristiwa
Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
Majlis Khatam Al-Quran
Sumbangan Perayaan
Program Ibadah Qurban
Lawatan Ke Beijing

29 Persatuan & Sukan
Program Karnival Usahawan
Kejohanan Tenpin Boling
Pertandingan Sukan MPK
MPK Tempat Ke-3 Boling Interaksi
Larian Sempena Hari Keputeraan Sultan Johor

34 Puisi dan Nukilan

35 Pemenang Peraduan Jawab & Menang
Peraduan Teka Bola

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-53

PERINGKAT NEGERI JOHOR DI KLUANG

Kluang, 31 Ogos 2010 - Majlis Perhimpunan Hari Kemerdekaan Ke-53 peringkat Negeri Johor telah diadakan di Kluang bertempat di Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kluang.

Sambutan kali ini berbeza dari tahun-tahun sebelumnya yang mana ianya berlangsung pada bulan Ramadhan Al-Mubarak. Bagi menghormati masyarakat Islam, sambutan tersebut telah diadakan di dalam dewan secara sederhana yang hanya dihadiri seramai lebih kurang 2,000 peserta daripada 81 kontijen. Majlis yang berlangsung selama 1 jam 30 minit itu dimulakan dengan nyanyian lagu-lagu patriotik, bacaan ikrar, laungan merdeka, deklamasi sajak dan penyampaian anugerah pertandingan sepanduk dan pakaian terbaik.

Majlis Perbandaran Kluang telah berjaya merangkul juara kategori sepanduk terbaik manakala Daerah Muar memenangi kategori pakaian terbaik. Tema hari kebangsaan tahun ini adalah 'Satu Malaysia Menjana Tranformasi.

Menteri Besar Johor, Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman dalam ucapannya berkata, pemimpin terdahulu telah mewariskan sehingga ke hari ini perpaduan yang dibina dengan amalan kesederhanaan, toleransi, setiakawan dan berunding untuk mendapatkan keputusan adalah formula utama kepada keamanan dan kemakmuran negara kita Malaysia. Maka kita haruslah menjaga dan mengekalkan warisan ini agar ia sentiasa segar dalam diri kita.

MB RASMI MAJLIS PECAH TANAH KOMPLEKS *PEKAN RABU KLUANG*

Kluang, 27 Julai 2010 - Menteri Besar Johor, Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Kompleks Pekan Rabu Kluang yang terletak di pusat Bandar Kluang. Cadangan kompleks 3 tingkat bernilai RM12.5 juta akan dibina di atas tapak tanah rizab Melayu seluas 1.385 ekar akan menyediakan peluang perniagaan yang strategik khususnya kepada peniaga-peniaga bumiputera.

Kompleks dengan keluasan 27,341 kaki persegi merangkumi 53 unit ruang niaga direka bentuk bercirikan seni bina Melayu yang unik bagi memartabatkan masyarakat Melayu di Daerah Kluang. Wujudnya kompleks ini diharap akan menjadi mercu tanda baru dan tumpuan penduduk Daerah Kluang. Kompleks ini turut akan menempatkan dewan serbaguna, klinik, medan selera dan sebuah pusat rawatan hemodialisis.

Menurut Y.A.B Menteri Besar Johor, kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan peniaga bumiputera dan berusaha sedaya upaya untuk memenuhinya. Beliau berharap Kompleks ini akan menjadi pusat perniagaan utama bumiputera di Daerah Kluang.

LAWATAN KERJA
MENTERI BESAR JOHOR KE KLUANG

Kluang, 27 Julai 2010 - Menteri Besar Johor, Y.A.B Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman telah mengadakan lawatan sekitar Bandar Kluang sempena lawatan kerja ke Parlimen Kluang. Lawatan ini adalah salah satu siri lawatan kerja Y.A.B Menteri Besar ke setiap kawasan parlimen di Negeri Johor.

Dewan Sri Lalang merupakan lokasi hentian pertama Y.A.B Menteri Besar dari Johor Bahru bersama rombongan yang terdiri daripada Exco kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan untuk bersarapan pagi bersama penduduk Sri Lalang sebelum memulakan lawatannya.

Kuil Taman Bersatu adalah lokasi lawatan pertama diikuti lawatan ke Tokong Dewi Kuan Em di Jalan Mengkibol. Pada lawatan tersebut Y.A.B Menteri Besar telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM500 ribu dan RM30 ribu untuk menaiktaraf kemudahan kuli dan tokong tersebut.

Seterusnya Y.A.B Menteri Besar telah diberi penerangan oleh pihak JKR berhubung cadangan menaiktaraf jalan daripada dua lorong kepada empat lorong bermula dari persimpangan bulatan Jalan Batu Pahat ke bulatan Jalan Yap Tau Sah yang akan menelan belanja sebanyak RM60 juta.

Y.A.B Menteri Besar telah menyampaikan sumbangan kepada golongan kurang upaya di Dewan Terbuka Yap Tau Sah dan seterusnya ke Taman Indah Jaya untuk melihat sendiri masalah banjir kilat di kawasan tersebut sebelum menunaikan solat zohor dan makan tengahari di Masjid Kampung Melayu 2. Di sebelah petang, lawatan diteruskan ke Terminal Bas dan Teksi Kluang bagi meninjau masalah menaiktaraf kemudahan di terminal tersebut dan kemudian merasmikan Majlis Pecah Tanah Kompleks Pekan Rabu Kluang di Jalan Haji Manan. Lawatan sehari Y.A.B Menteri Besar berakhir pada jam 5.30 petang di Kluang Railway Coffee.

PROGRAM 1 MALAYSIA GREEN 1 MALAYSIA CLEAN

Kluang, 3 Oktober 2010 - Bertempat di Dataran Gunung Lambak Eco Resort, Program 1 Malaysia Green 1 Malaysia Clean telah diadakan dan dirasmikan oleh Y.B Senator Gan Ping Siew, Timbalan Menteri Belia Dan Sukan Program ini adalah anjuran bersama Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kluang, JPMM Dun Mengkibol, Hospital Kluang dan pihak pengurusan Gunung Lambak Eco Resort.

Pelbagai aktiviti telah diadakan pada program tersebut seperti senamrobik, pertandingan melukis, mendaki gunung, membersihkan kawasan dan juga pameran kitar semula. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan dan mencintai alam sekitar. Selain daripada itu program ini turut mendedahkan kepada masyarakat tentang pentingnya amalan kitar semula bahan-bahan terbuang agar tidak berlaku pencemaran pada alam sekitar.